



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGAPLIKASIAN ALAT MUZIK TRADISIONAL IBAN
ENGKERURAI KE DALAM ORKESTRA**

Joanness Lanyun Anak Kandawang

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)
2012**

**PENGAPLIKASIAN ALAT MUZIK TRADISIONAL IBAN *ENGKERURAI* KE
DALAM ORKESTRA**

JOANNESS LANYUN ANAK KANDAWANG

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

**JUDUL: PENGAPLIKASIAN ALAT MUZIK TRADISIONAL IBAN
 ENGKERURAI KE DALAM ORKESTRA**

SESI PENGAJIAN : 2009/2012

Saya **JOANNESS LANYUN ANAK KANDAWANG**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Tarikh:

Alamat Tetap:

RH Seli, Batu 3 Jalan KJD 96500 Bintangor Sarawak

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda
* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Pengaplikasian Alat Muzik Tradisional Iban *Engkerurai* ke dalam Orkestra**' telah disediakan oleh **Joanness Lanyun Anak Kandawang** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam program **Muzik**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Connie Lim Keh Nie

Tarikh:

PENGAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

(JOANNESS LANYUN ANAK KANDAWANG)

No Matrik : 23678

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana bimbingan-Nya membawa saya ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan mendampingi saya melalui pelbagai cabaran sepanjang tiga tahun ini. Tanpa kurniaan kekuatan, keyakinan, ketabahan dan kebijaksanaan daripada-Nya, saya tidak dapat menyiapkan Ijazah Sarjana Muda ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya terutama bapa saya, Kandawang Anak Dagang, dan ibu saya, Sembambu Anak Seli yang sentiasa berdoa, bertimbang rasa dan memberi kepercayaan serta sokongan sepenuhnya ke atas apa yang saya lakukan sepanjang tempoh pengajian saya di UNIMAS.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya yang arif dan bertanggungjawab iaitu Drs. Yoesbar Djaelani dan Puan Connie Lim Keh Nie di atas sumbangan mereka berdua dari segi masa, tenaga, idea, cadangan, nasihat, motivasi, sokongan, dan bimbingan dalam Projek Tahun Akhir saya ini.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ingin ucapkan kepada semua pensyarah program muzik terutamanya Prof. Madya Dr. Hasnizam bin Abdul Wahid, selaku Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Puan Thia Sock Siang selaku penyelaras bagi mata kuliah Projek Tahun Akhir dan tutor program muzik iaitu Cik Laura Pranti Tutom yang sudi memberi nasihat dan teguran yang berharga sebagai pedoman saya menjalankan Projek Tahun Akhir saya ini.

Sehubungan itu, saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Lembad Anak Subit yang secara tidak langsung membantu menjayakan projek ini. Pada masa yang

sama, tanpa bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan dari program muzik yang lain Projek Tahun Akhir saya ini tidak akan berjaya.

Akhirnya sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam projek ini. Semoga projek ini dapat memanfaatkan para mahasiswa-mahasiswi pada masa depan dan menjadi satu rujukan kepada sesiapa yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih lanjut.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Halaman Tajuk		
Borang Pengesahan Status Tesis/Laporan		
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia	i	
Pengakuan Pelajar	ii	
Penghargaan	iii-iv	
Isi Kandungan	v-vii	
Senarai Jadual	viii	
Senarai Rajah	viii-ix	
Senarai Gambar	x	
Abstrak	xi	
<i>Abstract</i>	xii	
1. BAB SATU PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1-5
1.2	Skop Kajian	5
1.3	Permasalahan Kajian	6-7
1.4	Hipotesis	7
1.5	Objektif Kajian	7-8
1.6	Kepentingan Kajian	8-9
1.7	Kajian Literasi	9-11
2. BAB DUA METODOLOGI PENYELIDIKAN		
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Prosedur	12
2.3	Pengumpulan Data	13
2.3.1	Kaedah Primer	13
	a) Borang Soal Selidik	13
	b) Temu Bual	13-14
	c) Analisis Data	14

2.3.2	Kaedah Sekunder	14
	a) Rujukan Buku dan Sumber Penerbitan	14
3.	BAB TIGA DAPATAN KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	15
3.2	Hasil Temubual	15
3.2.1	Hasil Temubual dengan Encik Narawi Rashidi	15-16
3.2.2	Hasil Temubual dengan Encik Thomas Goh	17
3.3	Konstruksi Fizikal	18-21
3.4	Teknik Permainan	21
3.5	Skala	22
3.6	Lagu-lagu yang Dimainkan oleh <i>Engkerurai</i>	22-23
3.7	Prosedur Penulisan Karya	24
3.8	Transkripsi daripada Lagu <i>Engkerurai</i> 1, 2, 3 dan 4	25-27
3.9	Harmoni Lagu <i>Engkerurai</i> 1	27
3.10	Rentak Lagu <i>Engkerurai</i> 1	27
3.11	<i>Tuning</i> Alat Muzik <i>Engkerurai</i>	28
3.12	Melodi Lagu <i>Engkerurai</i> 1	28-29
3.13	Aplikasi ke dalam Lagu Bentuk Tema dan Variasi	29-30
3.14	<i>Orchestration</i> dan <i>Instrumentation</i>	31-41
3.15	Perisian Muzik (<i>Music Software</i>)	41
3.15.1	Perisian <i>Sibelius</i> 6	41-42
3.15.2	Perisian <i>Nuendo</i> 4.3	43-45
4.	BAB EMPAT PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Data	47-62
4.3	Kesimpulan	63
5.	BAB LIMA KESIMULAN DAN CADANGAN	
5.1	Kesimpulan	64-65
5.2	Cadangan	65-66
	Bibliografi	67

Glosari		68-69
Lampiran A	SKOR MUZIK	70-90
Lampiran B	GAMBAR RESPONDEN MENJAWAB BORANG SOAL SELIDIK	91
Lampiran C	CONTOH BORANG SOAL SELIDIK	92-96
Lampiran D	PANEL CETUSAN INSPIRASI PELAJAR TAHUN AKHIR	97
Lampiran E	DATA HASIL KARYA DALAM BENTUK RAKAMAN DVD	98
Lampiran F	HASIL KARYA DALAM BENTUK RAKAMAN DVD	99

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Nota-nota yang terdapat pada setiap batang buluh mengikut nama batang buluh dan juga nama bagi setiap nada	4
Jadual 1.2	Jeda antara satu nota ke satu nota yang lain	5
Jadual 3.1	Repertoir-repertoir <i>Engkerurai</i>	23
Jadual 3.2	<i>Design Orchestration</i> lagu <i>Engkerurai</i> komposisi baru pengkaji	41

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Skala <i>Engkerurai</i>	22
Rajah 3.2	Transkripsi Lagu <i>Engkerurai</i> 1	25
Rajah 3.3	Transkripsi Lagu <i>Engkerurai</i> 2	25
Rajah 3.4	Transkripsi Lagu <i>Engkerurai</i> 3	26
Rajah 3.5	Transkripsi Lagu <i>Engkerurai</i> 4	26
Rajah 3.6	Melodi lagu <i>Engkerurai</i> 1	29
Rajah 3.7	Bentuk lagu <i>Engkerurai</i> komposisi baru pengkaji	30
Rajah 3.8	Melodi yang Dimainkan oleh Piano dan <i>Strings</i> sebagai harmoni	32
Rajah 3.9	<i>Species</i> 1	35
Rajah 3.10	<i>Species</i> 2	36
Rajah 3.11	<i>Species</i> 3	36
Rajah 3.12	<i>Species</i> 4	36

Rajah 3.13	<i>Counter Melody</i> yang dihasilkan dengan menggunakan teknik <i>counterpoint</i> pada variasi 2	38
Rajah 3.14	Skor Lagu <i>Engkerurai</i> yang Dihasilkan dengan Menggunakan Perisian <i>Sibelius 6</i>	42
Rajah 3.15	Proses menghasilkan audio dari <i>Midi File</i> dengan menggunakan perisian <i>Nuendo 4.3</i>	44
Rajah 4.1	Jantina	47
Rajah 4.2	Umur	48
Rajah 4.3	Bangsa	49
Rajah 4.4	Mengenali Alat Muzik <i>Engkerurai</i>	50
Rajah 4.5	Mengenali Alat Muzik <i>Sompoton</i>	51
Rajah 4.6	<i>Engkerurai</i> Mempunyai Bunyi yang Sama Seperti <i>Sompoton</i>	52
Rajah 4.7	Mempunyai Bentuk yang Sama Seperti <i>Sompoton</i>	53
Rajah 4.8	Pernah Mendengar atau Melihat <i>Engkerurai</i> Dimainkan Dalam Radio, Televisyen atau Dalam Internet (Youtube)	54
Rajah 4.9	Alat Muzik <i>Engkerurai</i> Sesuai Dimainkan bersama Orkestra	55
Rajah 4.10	Gubahan Ini Menarik Perhatian	56
Rajah 4.11	Ingin Mempelajari Tentang Alat Muzik <i>Engkerurai</i>	57
Rajah 4.12	Alat Muzik <i>Engkerurai</i> Mempunyai Keunikan Dari Segi Warna Bunyi	58
Rajah 4.13	Komposisi yang baru Dapat Menghidupkan Kembali Alat Muzik <i>Engkerurai</i>	59
Rajah 4.14	Alat Muzik <i>Engkerurai</i> Mempunyai Potensi Untuk Diketengahkan Dalam Industri Muzik	60
Rajah 4.15	Alat Muzik <i>Engkerurai</i> Mampu Bersaing dalm Industri Muzik Sama Seperti Alat Tradisi yang Lain	61
Rajah 4.16	<i>Engkerurai</i> Akan Mendapat Sambutan Daripada Golongan Muda Zaman Sekarang Jika Dimainkan dalam Orkestra	62

SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1	Temubual bersama En. Narawi Rashidi	16
Gambar 3.2	<i>Engkerurai</i>	18
Gambar 3.3	<i>Labu Engkerurai</i>	19
Gambar 3.4	Batang buluh yang disusun mengikut kepanjangan	20
Gambar 3.5	Pembesar suara yang dilekatkan pada batang buluh	21

ABSTRAK

Engkerurai merupakan salah satu alat muzik tradisional Iban yang dimainkan di kawasan Batang Ai di negeri Sarawak. Alat muzik ini dimainkan sebagai hiburan penduduk rumah panjang pada suatu ketika dahulu di samping mengisi masa lapang. Dalam kajian ini, lagu-lagu yang dimainkan oleh *Engkerurai* ini akan dikaji dan dianalisa dari segi melodinya. Motif-motif melodi *Engkerurai* yang telah dikaji akan diambil dan dikembangkan menjadi melodi yang baru dalam komposisi baru yang akan pengkaji hasilkan. Motif-motif ini digunakan adalah bertujuan untuk menguji keberkesanan pengaplikasian alat muzik ini ke dalam orkestra untuk menghidupkan kembali alat muzik yang hampir pupus ini. Bagi menguji keberkesanan *Engkerurai* dimainkan dalam orkestra, pengkaji akan mendapatkan pengesahan daripada pihak atau individu yang mahir dengan alat muzik tradisional Iban ini untuk tujuan validasi data.

ABSTRACT

Engkerurai was an Iban traditional musical instrument that only being played at the area of Batang Ai, Sarawak. This musical instruments was being played just for entertainment in order to spend their free time at long house. In this research, the motive of the melody of the repertoire that was played by the Engkerurai will be studied an analyzed. After the analyzed, the motive of the melody of the Engkerurai will been taken as a motive in a new composition with an orchestra. The new composition was composed in order to gain an interest among the new generation with a traditional musical instrument called Engkerurai. For the validation purpose, people that's know well with the instruments will been asked for the data validation.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dan juga negeri yang mempunyai jumlah bilangan etnik yang paling besar sekali iaitu lebih daripada 30 etnik. Kaum-kaum yang terdapat di negeri Sarawak adalah seperti kaum Iban, Bidayuh, Melayu, Cina, Orang Ulu dan ramai lagi. Namun begitu, kaum Iban merupakan majoriti kaum yang tinggal di negeri Sarawak. Kaum Iban juga dikenali sebagai Dayak Laut (*Sea Dayak*) kerana penempatan kaum ini pada masa dulu banyak terdapat di kawasan tepi sungai. Pada suatu masa dulu, kaum Iban sangat terkenal dengan amalan ‘pemburuan kepala’. Namun, pada masa kini amalan itu sudah tidak lagi diamalkan malah kaum Iban ini juga sudah memiliki kehidupan yang moden sama seperti kaum-kaum lain di Malaysia ini.

Sama seperti negeri-negeri lain di Malaysia, negeri Sarawak juga mempunyai alat-alat muzik tradisionalnya yang tersendiri. Antaranya ialah seperti alat muzik bertali, alat muzik organ mulut (*mouth organ*), alat muzik tiup dan alat muzik pukulan (Myers, 1914). Menurut Shelford (1904), alat muzik di Pulau Borneo dibahagikan kepada empat kategori iaitu alat muzik tali (*stringed instruments*), alat muzik tiup (*wind instruments*), *jews harp* dan alat muzik pukulan (*percussion instruments*). Alat muzik bertali adalah terdiri daripada *Sape*, *Blikan*, *Sigittuad*, *Engkerbab*, *Enserunai* dan *Engkeratung*. Alat muzik tiup pula terdiri

daripada *Selengut, Sulieng san, Sulieng Idong, Sulieng Nyawa, Banchi, dan Terlali*. Alat muzik organ mulut pula terdiri daripada *Keluri* dan *Engkerurai*. Alat dari kategori *jews harp* pula adalah seperti *Ruding, Ensulu* dan *Stobeong*. Alat muzik pukulan pula terdiri daripada *Lalipok, Pelonchong, Krotong, Tengkuang, Tawak, Kromong, Chanang, Gendang, Beduk*, dan banyak lagi (Shelford, 1904).

Tidak seperti alat-alat muzik yang lain, alat muzik dari kategori Organ Mulut (*mouth organ*) adalah amat menarik sekali. Dipercayai alat muzik organ mulut ini adalah berasal dari Asia Tenggara dan dikatakan sebagai alat muzik yang terawal di dunia yang boleh menghasilkan harmoni (Matusky, 1986). Alat muzik ini yang merupakan alat muzik tradisi negeri Sarawak yang dimiliki oleh kaum Kayan, Punan dan Iban. Bentuk alat ini bagi setiap kaum adalah hampir sama cuma berbeza pada nama panggilannya sahaja. Bagi kaum Kayan, alat muzik ini dikenali sebagai *Keledi*, kaum Iban pula memanggil alat ini sebagai *Engkerurai*, manakala kaum Punan tidak ada menyatakan nama yang khusus tetapi hanya dikenali sebagai Organ Mulut sahaja (Shelford, 1904).

Alat muzik *Engkerurai* ini tergolong dalam kumpulan *aerofon*. Alat muzik ini dimainkan secara individu sahaja pada masa keramaian mahupun pada bila-bila masa si pemain ingin memainkan alat muzik ini mengikuti kehendak si pemain tersebut. Dari segi konstruksinya, *Engkerurai* dihasilkan dengan hanya memerlukan sebiji buah labu dan tujuh batang buluh yang berlainan bentuk dan saiz. Buah labu dikenali sebagai *Tangkong* atau *Labu Engkerurai* oleh masyarakat Iban. Manakala buluh yang digunakan pula, biasanya buluh

dari jenis temiang. Buluh dari jenis temiang ini dikatakan mampu menghasilkan bunyi yang nyaring dan merdu apabila ditiup oleh si pemain.

Setiap batang buluh tersebut mempunyai nama-nama yang tersendiri. Buluh yang terpanjang dikenali sebagai *Indu*, dan kedudukannya terletak bertentangan dengan leher labu *Engkerurai*. *Indu* ini berperanan menghasilkan bunyi dengungan. Buluh yang bertentangan dengan *Indu* dikenali sebagai *Pemanchor*. Buluh yang terletak di sebelah kanan *Indu* dikenali sebagai *Ngingit*. *Ngingit*, menghasilkan bunyi yang paling tinggi. Bunyi yang dihasilkan oleh *ngingit* akan dihalusi oleh *Timbal Ngingit* yang terletak di sebelah kiri *Indu*. Batang yang menghasilkan bunyi perantaraan di antara *Indu* dan *Ngingit* dikenali sebagai *Ranggong*. Buluh yang berperanan menghalusi nada *Ranggong* ini dikenali sebagai *Timbal Ranggong*.

Alat muzik *Engkerurai* ini mempunyai 11 buah lagu atau repertoir. Antara lagu-lagu atau repertoir-repertoir tersebut adalah seperti berikut:

- | | | |
|----------------------------|--------------------------|--------------------|
| 1. <i>Tebah Lantang</i> | 5. <i>Baling</i> | 9. <i>Kenyah</i> |
| 2. <i>Kenjan Keterubah</i> | 6. <i>Alun Panjai</i> | 10. <i>Keliute</i> |
| 3. <i>Kenjan Kadua</i> | 7. <i>Entak Kepayang</i> | 11. <i>Indu gu</i> |
| 4. <i>Saka Dua</i> | 8. <i>Seri Dayong</i> | |

Alat muzik *Engkerurai* ini dimainkan dengan cara meniup atau menyedut mulut labu *Engkerurai* tersebut sambil tangan kanan dan tangan kiri menekan lubang-lubang yang terdapat pada bahagian buluh tersebut untuk mencari nada yang diinginkan oleh si pemain (Alexander Anak Wong & Soraya Mansor, 1995).

Selain itu, *Engkerurai* tidak hanya memainkan satu not pada satu masa, maka ia dikategorikan sebagai alat yang mempunyai bunyi homofoni. Bunyi *Indu* dan *Anak 4* mempunyai nada yang sama iaitu berada dalam jeda satu oktav. Oleh itu, *Engkerurai* hanya mempunyai lima nota atau jenis bunyi nota yang berlainan. Nota-nota tersebut ialah:

Nama batang buluh	Nama nada	Not
<i>Indu</i>	<i>Bapa</i>	<i>F#</i>
<i>Pemanchor Indu</i>	<i>Emak</i>	<i>G#</i>
<i>Ranggong</i>	<i>Anak 1</i>	<i>B</i>
<i>Timbal Ranggong</i>	<i>Anak 2</i>	<i>C#</i>
<i>Timbal Ngingit</i>	<i>Anak 3</i>	<i>D#</i>
<i>Ngingit</i>	<i>Anak 4</i>	<i>F#</i>

Jadual 1.1 : Nota-nota yang terdapat pada setiap batang buluh mengikut nama batang buluh dan juga nama bagi setiap nada

Jeda dalam skala antara satu nota ke satu nota adalah seperti berikut:

Nama nada	Not
<i>Indu</i>	
<i>Pemanchor Indu</i>	<i>Major 2nd</i>
<i>Anak 1</i>	<i>Major 3rd</i>
<i>Anak 2</i>	<i>Major 2nd</i>
<i>Anak 3</i>	<i>Major 2nd</i>
<i>Anak 4</i>	<i>Major 3rd</i>

Jadual 1.2 : Jeda antara satu nota ke satu nota yang lain

1.2 Skop kajian

Kajian ini akan lebih fokus kepada penggabungan melodi yang dimainkan oleh alat muzik tradisional *Engkerurai* ke dalam orkestra. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada satu lagu yang dimainkan oleh alat muzik *Engkerurai* yang dipilih sahaja bagi mewakili lagu-lagu yang lain. Kajian ini juga tertumpu kepada cara mengeksperimentasikan alat muzik ini ke dalam bentuk tema dan variasi.

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Encik Thomas Goh iaitu salah seorang Penolong Pegawai Kebudayaan di Sarawak Dayak Culture Foundation, alat muzik tradisional *Engkerurai* ini hanya dimainkan secara berindividu atau *solo* sahaja tanpa iringan alat-alat muzik yang lain. Hal Ini kurang menarik perhatian masyarakat zaman sekarang kerana pada masa sekarang, masyarakat lebih gemar dan meminati muzik-muzik pop sahaja. Cara yang terbaik untuk mengetengahkan alat muzik ini adalah dengan menyelitkan alat muzik tersebut dengan alat-alat muzik moden. Pada masa kini alat muzik tradisional Iban *Engkerurai* tidak lagi begitu popular dan semakin dilupakan. Oleh itu, pengkaji akan melakukan pencampuran alat muzik tradisional ini dengan alat muzik barat untuk menarik perhatian golongan muda dan agar potensi alat muzik ini dapat dimanfaatkan dan tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman.

Selain itu, memandangkan *Engkerurai* hanya dimainkan secara individu sahaja tanpa iringan alat muzik yang lain, sudah tentu ada kekurangan dari segi warna bunyi alat tersebut. Warna bunyi yang sama akan sentiasa kedengaran dan ini akan menimbulkan rasa kebosanan pada pendengar. Oleh itu, pengkaji akan membuat sebuah komposisi yang baru dengan mencampurkannya ke dalam orkestra. Ini akan dapat menghasilkan pelbagai jenis warna bunyi yang berbeza dari pelbagai jenis alat muzik orkestra. Pengkaji berharap dengan komposisi yang baru ini dapat menghidupkan kembali alat muzik yang hampir pupus ini.

Menurut Encik Narawi Rashidi, pada masa kini alat muzik *Engkerurai* ini tidak begitu popular dan semakin dilupai. Tidak ramai masyarakat pada zaman sekarang yang mengenali alat muzik *Engkerurai*. Beliau juga menambah bahawa alat muzik ini berpotensi untuk

dikembangkan sama seperti yang telah dilakukan oleh masyarakat di Sabah iaitu berkaitan dengan alat muzik *Sompoton* dan juga *Somporing*. Oleh itu, pengkaji ingin menguji sejauh manakah pernyataan ini dapat membantu dalam mengetengahkan alat muzik ini agar keunikan dan potensi alat ini dapat dimanfaatkan oleh generasi seterusnya.

1.4 Hipotesis

Tanggapan awal pengkaji ialah, kajian mengeksperimentasikan alat muzik ini ke dalam komposisi muzik barat dapat mengetengahkan dan memajukan alat muzik tradisi Iban *Engkerurai* ini agar mendapat sambutan daripada golongan muda dan peminat muzik. Ini kerana alat muzik ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi warna bunyinya.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian pengkaji dalam penyelidikan ini ialah pengkaji ingin menghidupkan semula alat muzik *Engkerurai* ini dengan menghasilkan satu komposisi lagu baru dengan menggabungkan alat muzik tradisional Iban *Engkerurai* ini bersama alat muzik orkestra.

Selain itu, objektif kajian pengkaji ialah pengkaji ingin menghasilkan suasana yang berbeza pada muzik *Engkerurai* dengan kepelbagaian warna bunyi yang terhasil apabila alat muzik *Engkerurai* ini dimainkan dalam orkestra.

Hal ini kerana alat muzik tradisional *Engkerurai* ini hanya dimainkan secara solo sahaja tanpa adanya iringan alat-alat muzik yang lain. Melalui penggabungan alat muzik *Engkerurai* ini bersama alat-alat muzik moden yang lain, pengkaji berharap ianya mampu untuk menarik perhatian generasi masa sekarang dengan keindahan alunan irama alat muzik tradisional *Engkerurai* ini dan seterusnya menjadikan alat muzik tradisional ini diminati ramai pada suatu masa nanti.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini amat penting sekali kerana kajian ini lebih menjurus kepada kaedah untuk mengetengahkan dan memajukan alat muzik *Engkerurai* ini agar alat muzik tradisi ini terus terpelihara. Hal ini kerana khazanah yang diwarisi daripada nenek moyang ini sangat berharga dan harus diselamatkan sebelum terlambat. Dengan usaha mengaplikasikannya ke dalam komposisi muzik barat ini sedikit sebanyak dapat membantu untuk memberi tempat kepada alat muzik ini didalam industri muzik, menarik serta memberi kesedaran kepada generasi muda serta peminat muzik agar memanfaatkan dan memelihara khazanah yang diwarisi ini sejak dahulu lagi supaya tidak hilang ditelan zaman.

1.6 Kajian literasi

Berikut adalah beberapa kajian literasi tentang pengaplikasian alat muzik tradisional Iban *Engkerurai* ke dalam muzik Orkestra di samping keberkesanannya dimainkan sebagai alat muzik solo.

Kajian literasi yang pertama, menurut Shelford (1904), *Engkerurai* secara umumnya adalah lebih kecil berbanding dengan alat muzik dari kaum Kayan iaitu *Klerdi Reed* yang terpanjang biasanya akan diletakan bersama dengan sekumpulan buluh untuk bertindak sebagai *resonator*.

Kajian literasi yang kedua ialah, menurut Myers (1914), rentak yang dimainkan oleh *Keluri* ialah rentak dari tarian tradisi kaum Kenyah. Selain itu, menurut beliau juga, kebanyakan *Keluri* yang beliau temui di daerah Sarawak adalah terdiri daripada 6 batang buluh bukannya 7 batang. Dalam pada itu, beliau juga menyatakan dalam rentak yang dimainkan oleh *Keluri*, *interval* yang digunakan ialah *octave*, *fifth* dan *major third*.

Menurut Matusky (1986), *Keluri* ialah terdiri dalam keluarga alat muzik jenis *Aerofon* dan dikumpulkan sebagai alat muzik yang mempunyai *single-reed*. *Keluri* juga terdiri daripada 6 batang buluh yang berbeza kepanjangan dan mempunyai lubang pada batang buluh tersebut. *Keluri* dimainkan dengan meniup dan menyedut udara pada bahagian labunya. Enam batang buluh tersebut menghasilkan 5 *itches* yang berbeza (salah satu daripada batang buluh tersebut adalah berjarak 1 oktav). *Pitch* atau bunyi yang berbeza ini akan menghasilkan skala berbentuk *pentatonic*.

Menurut Alexander Anak Wong & Soraya Mansor (1995), *Engkerurai* merupakan alat muzik tradisional yang dimiliki oleh suku kaum Iban di negeri Sarawak. Alat muzik ini adalah tergolong dalam keluarga *Aerofon* dan mempunyai nilai keunikannya yang tersendiri.